

Analisis Agihan Bantuan Sosial Terhadap Pembangunan Ekonomi Asnaf Mengikut Kawasan di Perlis (Analysis of Social Assistance Distribution on Asnaf Economic Development by Region in Perlis)

Noorazeela Zainol Abidin¹, Umami Naiemah Saraih^{1,2*}, Hafirda Akma Musaddad¹,
Wan Anis Wan Mohd Assrudin³, Khofizhoah Mohd Karim⁴

¹ Faculty of Business & Communication, Universiti Malaysia Perlis, 01000, Kangar, Perlis, Malaysia

² Center of Excellence for Social Innovation & Sustainability, Universiti Malaysia Perlis, 01000, Kangar, Perlis, Malaysia

³ Islamic Business School (IBS), Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah, Malaysia

⁴ School of Government, Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah, Malaysia

*Pengarang Koresponden: ummi@unimap.edu.my

Received: 29 April 2025 | Accepted: 28 May 2025 | Published: 30 June 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijaref.2025.7.2.7>

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk menganalisis agihan bantuan sosial terhadap pembangunan ekonomi golongan asnaf mengikut kawasan di negeri Perlis pada tahun 2022 hingga 2024. Golongan asnaf merupakan penerima utama zakat dan bantuan sosial yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup serta menjamin kesejahteraan ekonomi mereka. Namun, kesan bantuan yang disalurkan sering kali berbeza mengikut kawasan disebabkan oleh faktor sosioekonomi, infrastruktur, dan keupayaan pengurusan tempatan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pengumpulan data sekunder bagi menilai sejauh mana bantuan sosial yang diterima telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi asnaf. Analisis perbandingan dilakukan menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan dalam jumlah agihan bantuan kepada asnaf mengikut kawasan di Perlis. Selain itu, purata jumlah agihan bantuan sosial kepada asnaf menunjukkan peningkatan ketara sepanjang tempoh 2022 hingga 2024. Oleh itu, kajian ini mencadangkan untuk menggunakan pendekatan yang lebih bersasar dan berasaskan data dalam pengagihan bantuan, bagi memastikan impak yang lebih seimbang dan mampan kepada komuniti asnaf di seluruh negeri Perlis.

Kata kunci: Agihan Kawasan, Asnaf, Bantuan Sosial, Pembangunan Ekonomi, Perlis

Abstract: This study aims to analyze the distribution of social assistance on the economic development of the asnaf group by area in the state of Perlis from 2022 to 2024. The asnaf group is the main recipient of zakat and social assistance which aims to improve their standard of living and ensure their economic well-being. However, the impact of the assistance distributed often varies by area due to socioeconomic factors, infrastructure, and local management capabilities. This study uses a quantitative approach through secondary data collection to assess the extent to which the social assistance received has contributed to the economic development of the asnaf. Comparative analysis was conducted using descriptive and inferential statistical methods. The results of the study found that there were differences in the amount of assistance distribution to the asnaf by area in Perlis. In addition, the average amount of social assistance distribution to the asnaf showed a significant increase throughout the period from 2022 to 2024. Therefore, this study proposes to use a more targeted and data-

based approach in the distribution of assistance, to ensure a more balanced and sustainable impact on the asnaf community throughout the state of Perlis.

Keywords: Area Distribution, Asnaf, Social Assistance, Economic Development, Perlis

1. Pengenalan

Golongan asnaf merupakan individu yang tergolong dalam kategori penerima zakat sebagaimana yang ditetapkan dalam syariat Islam, termasuk fakir, miskin, amil, muallaf, riqab, gharimin, fisabilillah dan ibn sabil. Di Malaysia, pelbagai bentuk bantuan sosial telah diperkenalkan oleh kerajaan dan institusi-institusi zakat bagi membantu golongan ini keluar daripada kitaran kemiskinan dan mencapai pembangunan sosioekonomi yang lebih sejahtera. Di negeri Perlis, agihan bantuan sosial kepada asnaf dilaksanakan melalui institusi zakat negeri dan agensi kebajikan yang lain. Zakat merupakan salah satu instrumen utama dalam sistem ekonomi Islam yang bertujuan untuk mengurangkan ketidakseimbangan sosioekonomi dalam masyarakat. Sebagai rukun Islam yang ketiga, zakat bukan sahaja berperanan dalam membantu golongan yang memerlukan, tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme pengagihan kekayaan bagi memastikan keseimbangan ekonomi yang lebih adil dan saksama.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) memainkan peranan penting dalam memastikan agihan zakat di negeri Perlis dapat disalurkan secara sistematik dan berkesan kepada golongan asnaf. Pengagihan zakat yang cekap bukan sahaja dapat memenuhi keperluan asas golongan asnaf, malah mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi mereka dengan menyediakan modal perniagaan, latihan kemahiran, dan peluang pendidikan yang lebih baik. Sebagai contoh, Program Pembangunan Insan Terpilih Madani (PPITM) di Perlis melibatkan 150 keluarga asnaf terpilih bagi membantu melonjakkan pendidikan dan ekonomi golongan asnaf di negeri itu. Sebagai permulaan, sebanyak 50 keluarga asnaf akan mendapat bimbingan dan latihan untuk tempoh lima bulan daripada 50 Ketua Pemangkin Pembangunan Insan Terpilih (KPPIM) yang terdiri daripada guru kaunseling sekolah-sekolah seluruh Perlis serta rakan pemangkin pelajar UniMAP (Berita RTM, 2023). Di samping itu, MAIPs turut melaksanakan program-program pembangunan ekonomi usahawan asnaf melalui dana zakat, yang bertujuan untuk membangunkan ekonomi golongan asnaf dan menyumbang kepada ekonomi negara secara amnya melalui pendidikan dan latihan kemahiran (Rahman & Anwar, 2014).

Namun begitu, terdapat beberapa isu dan permasalahan yang timbul dalam agihan zakat oleh MAIPs sebagai pemangkin pembangunan ekonomi asnaf di Perlis. Salah satu isu utama ialah ketidakseimbangan dalam pengagihan zakat. Walaupun zakat bertujuan untuk membantu golongan asnaf, terdapat kemungkinan bahawa sebahagian penerima mendapat bantuan yang mencukupi, manakala yang lain masih berada dalam keadaan daif. Ini boleh berpunca daripada sistem penilaian keperluan asnaf yang tidak menyeluruh atau kekangan dana yang dihadapi oleh MAIPs.

Selain itu, kebergantungan asnaf terhadap bantuan zakat juga menjadi satu cabaran. Sesetengah penerima zakat terlalu bergantung kepada bantuan yang diberikan tanpa berusaha untuk keluar daripada kategori asnaf. Jika keadaan ini tidak ditangani dengan program pembangunan ekonomi yang mampan, kitaran kemiskinan akan berterusan. Cabaran lain yang dihadapi ialah dalam menilai kelayakan penerima zakat. Status ekonomi seseorang boleh berubah dari semasa ke semasa, dan ini menyukarkan proses pengesahan penerima zakat. Kadangkala terdapat kes

di mana data penerima tidak dikemas kini, menyebabkan ketidaktepatan dalam pemilihan asnaf yang benar-benar layak. Kekurangan sistem pemantauan yang efisien juga boleh membuka ruang kepada ketirisan dalam pengagihan zakat.

Kawasan bandar seperti Kangar dan Arau mempunyai akses yang lebih baik kepada perkhidmatan, kemudahan, dan peluang pekerjaan berbanding dengan kawasan luar bandar seperti Padang Besar. Ketidaksamaan dalam pembangunan infrastruktur ini menyebabkan penerima bantuan di kawasan luar bandar menghadapi kesulitan dalam mengakses bantuan dan sokongan yang disediakan. Selain itu, terdapat juga perbezaan dari segi keadaan ekonomi antara kawasan di Perlis. Kawasan bandar cenderung mempunyai tahap pendapatan yang lebih tinggi, peluang pekerjaan yang lebih banyak, serta akses kepada perkhidmatan sosial yang lebih baik. Sebaliknya, kawasan luar bandar sering kali bergantung kepada sektor pertanian dan berdepan dengan kemiskinan yang lebih ketara. Agihan bantuan yang tidak mengambil kira perbezaan ini boleh menyebabkan sesetengah kawasan tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dalam usaha mengurangkan kemiskinan.

Selain itu, cabaran dalam pengumpulan dana zakat turut menjadi isu yang perlu diberi perhatian. Jumlah kutipan zakat bergantung kepada kesedaran dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengurusan zakat. Jika wujud ketidakcekapan atau kurang ketelusan dalam pengagihan, masyarakat mungkin kurang yakin untuk menyalurkan zakat melalui MAIPs, yang akhirnya boleh menjejaskan jumlah kutipan zakat dan keupayaan institusi untuk membantu lebih ramai penerima. Kekangan infrastruktur dan sumber tenaga kerja juga merupakan faktor yang boleh menjejaskan keberkesanan pengurusan zakat. Pelaksanaan program bantuan zakat yang lebih efektif memerlukan sistem pemantauan yang baik serta tenaga kerja yang mencukupi untuk menyelia agihan dan membimbing penerima dalam penggunaan bantuan dengan lebih produktif. Jika tenaga kerja tidak mencukupi, proses pengagihan boleh menjadi lambat atau tidak mencapai matlamat yang disasarkan.

Di negeri Perlis, isu kemiskinan masih menjadi keutamaan apabila negeri ini tersenarai sebagai antara negeri dengan purata pendapatan isi rumah yang rendah dan mencatatkan kadar kemiskinan yang lebih tinggi berbanding beberapa negeri lain (The Malaysian Reserve, 2022). Kajian oleh Johari et al. (2014) menunjukkan bahawa agihan zakat yang tidak bersifat strategik dan kurang berfokus menyebabkan penerima terus bergantung kepada bantuan tanpa mampu keluar daripada belunggu kemiskinan. Oleh itu, kajian ini amat penting kerana ia dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang tahap keberkesanan agihan bantuan sosial terhadap pembangunan ekonomi golongan asnaf di negeri Perlis. Dapatan kajian ini juga boleh menjadi rujukan penting kepada pembuat dasar, institusi zakat, dan agensi kebajikan dalam merangka strategi yang lebih menyeluruh dan bersasar. Di samping itu, kajian ini turut berpotensi untuk menyumbang kepada perbincangan akademik dalam bidang pembangunan ekonomi, kebajikan sosial dan pengurusan zakat, khususnya di peringkat negeri.


Walaupun banyak kajian telah dijalankan berkaitan bantuan sosial dan pengurusan zakat di Malaysia, kebanyakannya memberi tumpuan kepada aspek umum seperti keberkesanan program zakat terhadap kesejahteraan penerima atau impak zakat terhadap kemiskinan secara menyeluruh. Namun begitu, terdapat kekurangan dalam kajian terdahulu yang tidak meneliti secara khusus pola agihan bantuan sosial mengikut kawasan geografi, terutamanya di negeri-negeri kecil seperti Perlis. Jurang kajian ini adalah signifikan memandangkan faktor geografi seperti lokasi dan kawasan berpotensi mempengaruhi keberkesanan bantuan yang diberikan, khususnya disebabkan oleh perbezaan dari segi infrastruktur, peluang ekonomi dan akses kepada sumber. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menganalisis corak agihan bantuan sosial

serta hubungannya dengan pembangunan ekonomi golongan asnaf mengikut kawasan di negeri Perlis.

2. Sorotan Literatur

2.1 Konsep Asnaf dan Bantuan Sosial

Asnaf ialah pihak yang layak menerima bantuan zakat yang dikutip daripada orang Islam. Hal ini jelas seperti yang dinyatakan dalam Quran sebagaimana firman Allah dalam Surah At-Taubah ayat 60:



“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, amil yang menguruskan zakat, orang yang dilunakkan hatinya (muallaf), untuk membebaskan hamba, untuk orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk orang yang bermusafir; (ketetapan ini adalah) sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan oleh Allah; dan Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

(Al-Quran, Surah at-Taubah, 9:60)

Surah At-Taubah ayat 60 merupakan dalil utama yang menetapkan golongan asnaf yang layak menerima zakat. Dalam ayat ini, Allah SWT menyatakan bahawa zakat hanya boleh diberikan kepada lapan kategori penerima iaitu fakir, miskin, amil (pengurus zakat), muallaf (yang dijinakkan hatinya), riqab (hamba yang ingin memerdekakan diri), gharimin (mereka yang berhutang), fi sabilillah (mereka yang berjuang di jalan Allah), dan ibnu sabil (musafir yang terputus bekalan). Kategori-kategori ini menjadi asas penting dalam pelaksanaan sistem agihan zakat di negara-negara Islam termasuk Malaysia.

Menurut Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), tafsiran semasa terhadap beberapa kategori seperti fi sabilillah telah diperluas untuk merangkumi usaha pembangunan umat Islam secara menyeluruh termasuk dalam aspek pendidikan, keusahawanan, latihan kemahiran dan pembangunan sosioekonomi. Sehubungan itu, agihan zakat bukan sahaja bersifat kebajikan semata-mata, tetapi juga sebagai satu bentuk intervensi sosioekonomi yang bersasar kepada golongan asnaf dengan tujuan untuk meningkatkan tahap kehidupan mereka. Oleh yang demikian, Surah At-Taubah ayat 60 bukan sekadar menjadi rujukan fiqh, tetapi turut menjadi asas penting kepada strategi pembangunan ekonomi asnaf melalui bantuan sosial berteraskan zakat di Malaysia, termasuk di negeri Perlis (Ibrahim et al., 2015).

2.2 Impak Bantuan terhadap Asnaf

Beberapa kajian lepas telah membuktikan bahawa bantuan sosial, khususnya zakat, mampu meningkatkan taraf hidup asnaf dalam pelbagai aspek. Kajian oleh Abu Hassan et al. (2018) menunjukkan bahawa Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah melaksanakan Skim Bantuan Jayadiri bagi menyediakan modal kepada asnaf miskin untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan. Program ini berpotensi meningkatkan pendapatan serta mengubah status asnaf kepada pembayar zakat.

Dalam konteks pembangunan keusahawanan, Abd Rahman dan Ahmad (2011) meneliti keberkesanan bantuan modal perniagaan terhadap asnaf fakir dan miskin di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian tersebut mendapati bahawa selain bantuan modal, faktor-faktor seperti umur, jantina, sikap optimis, tempoh berniaga, pemantauan, kecekapan amil, serta jaringan sosial turut mempengaruhi kejayaan perniagaan dalam kalangan asnaf. Selain bantuan modal, beberapa institusi zakat turut menyalurkan bantuan berbentuk pembangunan kemahiran. Sebagai contoh, Talib dan Ahmad (2019) mendapati Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) melaksanakan latihan kemahiran vokasional (TVET) seperti kursus jahitan, masakan dan pertukangan, serta bantuan modal peralatan seperti mesin jahit dan oven. Hasilnya, terdapat peserta yang berjaya keluar daripada kategori asnaf dan menjana pendapatan sehingga RM20,000 sebulan.

Sokongan terhadap golongan yang memerlukan juga merangkumi aspek pemulihan sosial. Kajian oleh Ishak et al. (2018) menunjukkan bahawa latihan vokasional kepada banduan di penjara mampu mengubah sikap mereka dan meningkatkan minat untuk menjadi usahawan. Bantuan modal zakat serta bimbingan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dilihat berpotensi dalam menyokong pemulihan dan pemberdayaan ekonomi bekas banduan. Dalam konteks bantuan pendidikan pula, kajian oleh Ab Rahman dan Anwar (2014) menegaskan bahawa pendidikan merupakan alat mobiliti sosial yang penting dalam membantu golongan fakir dan miskin keluar daripada kemiskinan. Kajian ini menunjukkan bahawa bantuan zakat pendidikan, terutamanya di negeri Selangor, memberikan sumbangan yang besar terhadap pembangunan ekonomi asnaf dan menyumbang kepada ekonomi negara berpendapatan tinggi. Hamzah et al. (2021) pula meneliti corak penggunaan bantuan zakat dalam kalangan pelajar asnaf di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajian ini mengenal pasti tiga pola utama penggunaan bantuan iaitu untuk makan minum, keperluan harian, dan membantu keluarga. Dapatan ini penting dalam memperkukuh aspek pemantauan agihan zakat serta keberkesanan bantuan dalam kalangan pelajar. Dalam persekitaran bandar, Tajuddin et al. (2016) mendapati bahawa kualiti hidup asnaf bandar sangat dipengaruhi oleh sikap amil tempatan dan penyertaan sosial. Kajian ini turut menunjukkan bahawa bantuan zakat dalam bentuk pembangunan sosial seperti perumahan, makanan dan perubatan memberi kesan positif terhadap kesejahteraan hidup asnaf di kawasan urban tinggi.

Seterusnya, Ab Rahman et al. (2018) meneliti skim bantuan zakat kepada golongan mualaf di seluruh negeri di Malaysia. Kajian ini menekankan pentingnya bantuan zakat sebagai jaminan sosial dalam menyokong kelangsungan hidup saudara baru serta mengukuhkan pegangan mereka terhadap agama Islam. Beberapa cadangan penambahbaikan turut dikemukakan bagi menjadikan pengurusan zakat lebih sistematik dan efisien di peringkat negeri. Secara keseluruhannya, dapatan daripada kajian-kajian ini menunjukkan bahawa bantuan zakat dalam pelbagai bentuk seperti modal perniagaan, latihan kemahiran, pendidikan, dan kebajikan sosial telah memberi impak signifikan terhadap usaha membangunkan taraf hidup asnaf serta menyokong pembangunan sosioekonomi negara.

2.3 Cabaran dan Agihan Bantuan Zakat

Agihan bantuan sosial kepada golongan asnaf berdepan pelbagai cabaran yang menjejaskan keberkesanan program yang dirancang. Antara cabaran utama ialah pemilihan penerima bantuan yang tidak tepat, penyampaian bantuan yang tidak menepati keperluan sebenar, serta kelemahan dalam aspek pemantauan selepas bantuan disalurkan. Kelemahan ini menyebabkan sesetengah bantuan gagal memberi impak yang diharapkan terhadap pembangunan ekonomi asnaf. Tambahan pula, wujud isu kebergantungan terhadap bantuan jangka pendek, yang seterusnya menyukarkan proses pengeluaran asnaf daripada kancas kemiskinan.

Perkembangan teknologi hasil Revolusi Industri 4.0 telah mendorong kepada digitalisasi dalam pengurusan zakat, yang berpotensi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem pengagihan. Namun begitu, kajian oleh Meerangani et al. (2021) mendapati bahawa kurangnya pendedahan maklumat serta persepsi negatif terhadap institusi zakat mendorong sesetengah individu untuk mengagihkan bantuan zakat secara sendiri tanpa melalui saluran rasmi. Fenomena ini secara tidak langsung boleh menjejaskan keberkesanan agihan bantuan dan sistematik pengurusan dana zakat. Seiring dengan arus digitalisasi, beberapa institusi zakat telah memperkenalkan aplikasi mudah alih bagi memudahkan pengurusan bantuan. Sebagai contoh, LZNK telah membangunkan aplikasi Zakat on Touch (ZOT) untuk menguruskan bantuan makanan dengan lebih efisien. Walau bagaimanapun, kajian oleh Mat Saad et al. (2023) mendapati bahawa penggunaan aplikasi ini berdepan kekangan dalam kalangan penolong amil yang berusia. Antara cabaran utama ialah kekurangan latihan, tiadanya penguatkuasaan penggunaan aplikasi, serta masalah kemudahan fasiliti yang menyokong pelaksanaan digitalisasi ini.

Dalam aspek pendidikan, meskipun ia dianggap sebagai alat utama untuk keluar daripada kemiskinan, keutamaan golongan asnaf sering kali lebih tertumpu kepada keperluan asas seperti makanan dan tempat tinggal. Kajian oleh Abu Bakar et al. (2022) keberkesanan model Sekolah Zakat Kedah (SZK) yang dilihat berpotensi dalam meningkatkan akses pendidikan dan kualiti hidup asnaf. Namun, pelaksanaan program ini memerlukan komitmen tinggi, sokongan padu daripada komuniti, serta kesinambungan dana bagi menjamin impak jangka panjang yang berkesan. Dalam kajian berkaitan cabaran guru, Adnan et al. (2023) mendapati bahawa 70% guru yang mengajar anak-anak asnaf menghadapi kekangan dari segi sumber pengajaran. Namun begitu, lebih 60% daripada mereka berusaha meningkatkan keberkesanan pengajaran dengan memastikan kesesuaian bahan dan merujuk kepada pakar sebagai langkah penambahbaikan.

Selain pendidikan, sektor industri halal turut dikenalpasti berpotensi membantu usahawan asnaf berkembang dan beralih daripada penerima zakat kepada pembayar zakat. Namun begitu, pematuhan terhadap piawaian pensijilan halal dalam kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), khususnya usahawan asnaf, masih berada pada tahap yang rendah. Kajian oleh Basaruddin et al. (2019) mengenal pasti beberapa cabaran dalam proses memperoleh sijil halal Malaysia, termasuk kekangan pengetahuan, sumber kewangan dan keperluan dokumentasi yang kompleks.

Secara keseluruhan, pelbagai cabaran dalam agihan bantuan sosial perlu ditangani secara menyeluruh dan strategik. Ini termasuk memperkukuh sistem pemilihan penerima, menyesuaikan jenis bantuan dengan keperluan sebenar, memperkasa latihan dan pemantauan, serta mengoptimalkan teknologi untuk meningkatkan kecekapan pengurusan zakat di Malaysia.

3. Kaedah Kajian

Kaedah analisis deskriptif merujuk kepada satu teknik statistik yang digunakan untuk menggambarkan dan meringkaskan ciri-ciri utama sesuatu set data secara ringkas dan mudah difahami. Ia tidak membuat kesimpulan atau inferens tentang populasi lebih besar, tetapi fokus kepada data yang diperoleh sahaja. Analisis deskriptif digunakan dalam kajian ini bagi memberikan gambaran awal dan menyeluruh terhadap data berkaitan tahap pembangunan ekonomi asnaf di tiga kawasan utama iaitu Arau, Kangar dan Padang Besar bagi tahun 2022

hingga 2024. Pendekatan ini membantu penyelidik mengenalpasti pola, variasi dan kecenderungan data secara kuantitatif.

Beberapa ukuran statistik digunakan dalam analisis ini, termasuk ukuran kecenderungan memusat seperti min (purata), median dan mod, yang memberikan maklumat mengenai nilai tipikal atau paling mewakili dalam data. Ukuran min digunakan untuk mengenalpasti purata jumlah bantuan atau pendapatan yang diterima oleh golongan asnaf mengikut tahun dan kawasan, manakala median dan mod membantu mengenalpasti nilai tengah dan nilai yang paling kerap berlaku dalam set data. Selain itu, ukuran penyebaran seperti sisihan piawai, varians, julat (range), serta ralat piawai turut dikira bagi memahami sejauh mana taburan data menyimpang daripada min. Sisihan piawai dan varians menunjukkan tahap ketidaksamaan dalam jumlah bantuan yang diterima, manakala julat menunjukkan perbezaan antara nilai maksimum dan minimum bantuan.

Ukuran bentuk taburan seperti kecondongan (skewness) dan kurtosis juga dianalisis untuk menilai simetri dan kelonjongan taburan data. Skewness positif menunjukkan taburan data yang condong ke kanan, manakala skewness negatif menunjukkan taburan condong ke kiri. Nilai kurtosis pula menunjukkan sama ada taburan data adalah lebih menjulang atau lebih rata berbanding taburan normal.

4. Dapatan Kajian

Jadual 1 menunjukkan analisis deskriptif data berdasarkan tiga kawasan utama di Perlis iaitu Arau, Kangar dan Padang Besar bagi tahun 2022 hingga 2024. Data ini memberikan gambaran statistik yang merangkumi ukuran pemusatan (min, median, mod), taburan (sisihan piawai, julat), dan bentuk taburan (kurtosis, skewness). Secara keseluruhan, purata nilai bantuan sosial yang diterima oleh asnaf menunjukkan peningkatan yang konsisten bagi ketiga-tiga kawasan dari tahun ke tahun. Pada tahun 2022, Kangar mencatatkan purata agihan bantuan tertinggi (RM2,320.86) diikuti Arau (RM2,314.41) dan Padang Besar (RM2,267.93). Trend ini berterusan pada tahun 2023 dengan Padang Besar mendahului (RM3,215.06), manakala pada tahun 2024, Kangar pula mencatatkan purata agihan bantuan kepada asnaf yang tertinggi iaitu RM3,810.19. Perkara ini menunjukkan bahawa nilai agihan bantuan yang diterima oleh asnaf telah meningkat di semua kawasan sepanjang tempoh tiga tahun.

Dari segi taburan data, sisihan piawai dan julat juga menunjukkan adanya variasi yang besar dalam nilai bantuan yang diterima oleh asnaf, terutamanya di Kangar. Pada tahun 2022, Kangar mencatatkan sisihan piawai tertinggi iaitu RM1,590.31. Pada tahun 2024 pula, Arau mencatatkan nilai tertinggi iaitu RM2,558.44. Ini menandakan adanya variasi data yang meluas di kawasan tersebut. Nilai julat yang besar di Kangar pada tahun 2022 adalah RM2,1323 dan meningkat kepada RM2,5542 pada tahun 2024. Hal ini turut mengesahkan bahawa wujudnya nilai ekstrem atau pengganda yang memberi kesan kepada bentuk taburan. Ini turut disokong oleh nilai skewness dan kurtosis yang tinggi, terutama di Kangar dan Arau. Sebagai contoh, Kangar menunjukkan skewness 5.42 dan kurtosis 56.96 pada tahun 2022. Ini menandakan taburan sangat mencapah dengan kehadiran nilai yang terlalu tinggi daripada julat biasa. Nilai skewness yang positif dalam semua kawasan menunjukkan bahawa majoriti asnaf menerima bantuan dalam julat rendah hingga sederhana, manakala sebilangan kecil menerima jumlah bantuan yang tinggi.

Peningkatan dalam nilai sisihan piawai dan varians bantuan yang diterima seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, bukan sahaja menunjukkan ketidaksamarataan dalam agihan


bantuan, tetapi turut membawa implikasi langsung terhadap pembangunan ekonomi golongan asnaf. Dalam konteks pembangunan ekonomi, bantuan kewangan yang disalurkan secara tidak sekata boleh menyebabkan kelewatan dalam pencapaian matlamat jangka panjang bagi kumpulan sasaran seperti asnaf. Sekiranya hanya sebahagian kecil asnaf menerima bantuan dalam jumlah besar manakala sebahagian besar lagi menerima jumlah yang jauh lebih kecil, maka keberkesanan keseluruhan program bantuan dari sudut peningkatan taraf hidup dan pembebasan daripada kemiskinan menjadi terbatas.

Ketidakseimbangan ini juga boleh mengakibatkan ketidakseimbangan dalam hasil ekonomi mikro, contohnya dari segi keupayaan asnaf untuk memulakan perniagaan kecil, menyertai latihan kemahiran, atau meningkatkan pendapatan isi rumah. Tambahan pula, jurang bantuan yang ketara boleh mewujudkan ketidakpuasan dan rasa terpinggir dalam kalangan penerima bantuan yang kurang mendapat perhatian, sekaligus melemahkan kepercayaan terhadap sistem agihan zakat atau bantuan sosial yang sedia ada. Ini secara tidak langsung menghalang proses pemeraksanaan ekonomi yang menjadi asas kepada pembangunan lestari golongan asnaf. Sebaliknya, agihan bantuan yang lebih seimbang dan bersasar berpotensi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi komuniti setempat melalui peningkatan aktiviti ekonomi kecil, pengurangan kadar kemiskinan, dan penciptaan peluang pekerjaan.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2024, bentuk taburan data di Padang Besar kelihatan lebih seimbang dengan kecondongan 0.43 dan kurtosis negatif (-1.23), menunjukkan taburan yang hampir normal dan tidak terlalu terpengaruh oleh nilai ekstrem. Nilai median dan mod juga memberikan gambaran bahawa kebanyakan nilai berada di bawah purata. Ini menandakan bahawa nilai purata mungkin telah dipengaruhi oleh beberapa nilai tinggi yang luar biasa. Tambahan pula, bilangan penerima bagi setiap kawasan dan tahun adalah berbeza-beza. Namun begitu, agihan bantuan sosial di kawasan Kangar konsisten mencatatkan bilangan penerima asnaf tertinggi dan boleh mempengaruhi kestabilan statistik yang diperolehi.

Jadual 1: Analisis Deskriptif mengikut Kawasan di Perlis

Ukuran Statistik	2022			2023			2024		
	Arau	Kangar	Pdg Besar	Arau	Kangar	Pdg Besar	Arau	Kangar	Pdg Besar
Min (Purata)	2314.41	2320.86	2267.93	2995.95	3041.96	3215.06	3455.39	3810.19	3530.87
Ralat Piawai	117.40	80.22	134.52	151.95	106.71	176.44	199.78	147.02	252.70
Median	1880	1914	1900	2000	2200	2500	2455	3054	2895
Mod	1900	1300	1500	1980	2000	2000	6900	2000	1480
Sisihan Piawai	1544.17	1590.31	1195.66	2383.24	2033.10	1746.62	2558.44	2490.74	1856.94
Varians Sampel	2384462.37	2529084.13	1429595.52	5679818.75	4133502.20	3050691.83	6545591.69	6203790.07	3448237.40
Kurtosis	5.33	56.96	-0.06	30.35	15.78	-0.49	21.26	21.57	-1.23
Kecondongan (Skewness)	2.14	5.42	0.80	4.24	2.89	0.78	3.25	2.93	0.43
Julat	8995	21323	4717	24235	18820	7014	22874	25542	6140
Minima	345	399	443	350	680	695	500	650	760
Maksima	9340	21722	5160	24585	19500	7709	23374	26192	6900
Jumlah	400393.00	912097.90	179166.80	737002.60	1104231.20	315076.25	566684.70	1093525.93	190667.00
Bilangan	173	393	79	246	363	98	164	287	54




Rajah 1: Trend Jumlah Keseluruhan Agihan Bantuan Sosial kepada Golongan Asnaf Mengikut Kawasan di Perlis, 2022-2024

Rajah 1 menggambarkan trend keseluruhan jumlah agihan bantuan sosial kepada golongan asnaf di tiga kawasan utama di Perlis, iaitu Arau, Kangar, dan Padang Besar, sepanjang tempoh 2022 hingga 2024. Secara umum, rajah ini menunjukkan peningkatan yang berterusan dalam jumlah bantuan sosial yang diagihkan kepada golongan asnaf di ketiga-tiga kawasan tersebut sepanjang tiga tahun tersebut. Pada tahun 2022, jumlah keseluruhan bantuan yang diagihkan adalah lebih rendah berbanding tahun-tahun berikutnya. Arau mencatatkan jumlah bantuan sebanyak RM400,393.00, manakala Kangar adalah sebanyak RM912,097.90, dan Padang Besar sebanyak RM179,166.80. Ini menunjukkan bahawa Kangar mencatat jumlah pemberian agihan bantuan tertinggi. Jumlah bantuan agihan bantuan di Padang Besar yang rendah berkemungkinan disebabkan oleh bilangan penerima yang lebih sedikit pada tahun tersebut serta keperluan yang lebih rendah.

Memasuki tahun 2023, terdapat peningkatan yang ketara dalam jumlah bantuan yang diagihkan kepada golongan asnaf. Arau mencatatkan RM737,002.60, diikuti Kangar sebanyak RM1,104,231.20, dan Padang Besar sebanyak RM315,076.25. Peningkatan ini menunjukkan bahawa lebih banyak bantuan telah disalurkan kepada golongan asnaf yang mungkin disebabkan oleh peningkatan peruntukan atau dasar baharu dalam program bantuan sosial. Di sini juga jelas menunjukkan bahawa Kangar masih kekal sebagai kawasan yang menerima jumlah bantuan tertinggi, diikuti oleh Arau dan Padang Besar. Lonjakan yang signifikan di Kangar menunjukkan keperluan yang tinggi di kawasan ini, baik dari segi bilangan penerima mahupun jumlah bantuan yang diperlukan. Pada tahun 2024, jumlah bantuan yang diagihkan terus meningkat, dengan Arau mencatatkan RM566,684.70, Kangar sebanyak RM1,093,525.93, dan Padang Besar sebanyak RM190,667.00. Walaupun Padang Besar mengalami sedikit penurunan dalam jumlah bantuan yang diterima berbanding tahun 2023, ia tetap menunjukkan jumlah yang lebih tinggi berbanding tahun 2022. Penurunan ini mungkin menunjukkan penyesuaian dalam dasar agihan atau pengurangan bilangan penerima bantuan selepas beberapa individu atau keluarga asnaf berjaya meningkatkan taraf hidup mereka.

Oleh itu, Rajah 1 menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan agihan bantuan sosial kepada golongan asnaf di Perlis mengalami peningkatan yang signifikan sepanjang tempoh kajian. Peningkatan ini memberikan indikasi bahawa usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan


dalam kalangan asnaf dan memperkukuh ekonomi mereka melalui bantuan sosial adalah suatu usaha yang berterusan. Walaupun terdapat peningkatan jumlah bantuan, penurunan atau pengurangan dalam jumlah bantuan di Padang Besar pada tahun 2024 boleh dilihat sebagai indikasi kejayaan dalam program pemerkasaan asnaf yang mungkin telah membantu golongan ini keluar daripada kemiskinan.



Rajah 2: Jumlah Penerima Bantuan Sosial oleh Asnaf Mengikut Kawasan di Perlis, 2022-2024

Rajah 2 menunjukkan jumlah penerima bantuan sosial dalam kalangan asnaf mengikut kawasan di negeri Perlis bagi tempoh 2022 hingga 2024. Berdasarkan hasil analisis data, pada tahun 2022, Kanger mencatatkan bilangan penerima tertinggi iaitu seramai 393 orang, diikuti oleh Arau dengan 173 orang, manakala Padang Besar mencatatkan jumlah paling rendah iaitu 79 orang. Ini menunjukkan bahawa keperluan terhadap bantuan sosial di Kanger lebih tinggi pada peringkat awal, yang mungkin dipengaruhi oleh kepadatan penduduk, faktor ekonomi setempat atau tahap permohonan yang lebih aktif.

Menjelang tahun 2023, jumlah penerima bantuan terus meningkat di ketiga-tiga kawasan. Arau mencatat peningkatan kepada 246 orang, Kanger sedikit menurun kepada 363 orang, manakala Padang Besar menunjukkan pertambahan ketara kepada 98 orang. Walaupun berlaku sedikit penurunan di Kanger, jumlah keseluruhan masih tinggi berbanding kawasan lain, yang mencerminkan dominasi kawasan ini dari segi bilangan penerima sepanjang tempoh tersebut. Sungguhpun begitu, trend ini mengalami perubahan menarik pada tahun 2024. Kanger kekal sebagai kawasan dengan jumlah penerima tertinggi iaitu 287 orang, diikuti Arau dengan 164 orang, manakala Padang Besar mencatat penurunan kepada hanya 54 orang. Penurunan jumlah penerima di semua kawasan, khususnya Padang Besar, mungkin disebabkan oleh beberapa faktor termasuk pemerkasaan ekonomi dalam kalangan asnaf, pemindahan kategori penerima selepas berjaya keluar daripada kemiskinan, atau penambahbaikan dalam sistem saringan penerima bantuan. Perubahan ini boleh ditafsir sebagai hasil daripada keberkesanan program bantuan yang semakin baik atau pelaksanaan program pembangunan ekonomi bersasar yang berjaya mengurangkan kebergantungan terhadap bantuan.



Rajah 3: Purata Jumlah Agihan Bantuan Sosial kepada Asnaf Mengikut Kawasan Di Perlis, 2022-2024

Rajah 3 menunjukkan trend purata jumlah agihan bantuan sosial kepada golongan asnaf di tiga kawasan utama di Perlis bagi tempoh 2022 hingga 2024. Pada tahun 2022, nilai purata bantuan adalah lebih rendah dengan Arau mencatatkan RM2,314.41, Kangar sebanyak RM2,320.86 dan Padang Besar paling rendah iaitu RM2,267.93. Walau bagaimanapun, menjelang tahun 2023, berlaku peningkatan ketara di semua kawasan, di mana Padang Besar menunjukkan lonjakan tertinggi kepada RM3,215.06, sekali gus mengatasi dua kawasan lain.

Trend ini terus meningkat pada tahun 2024 dengan Kangar mencatatkan purata agihan tertinggi iaitu RM3,810.19, diikuti Arau (RM3,455.39) dan Padang Besar (RM3,530.87). Lonjakan ini menunjukkan bahawa lebih banyak bantuan telah diagihkan kepada golongan asnaf dalam tempoh tiga tahun, yang mungkin didorong oleh faktor-faktor seperti peningkatan peruntukan zakat, pertambahan bilangan penerima bantuan, atau pelaksanaan dasar pengagihan yang lebih meluas oleh MAIPs. Walaupun ketiga-tiga kawasan menunjukkan peningkatan, namun, kadar peningkatan tidak berlaku secara seragam. Contohnya, Padang Besar yang bermula dengan nilai purata paling rendah pada tahun 2022 berjaya mengatasi Arau pada tahun 2023, tetapi kembali sedikit di belakang pada tahun 2024. Hal ini menunjukkan kemungkinan adanya perubahan dasar agihan atau keutamaan penerima.

Dalam konteks pembangunan ekonomi, bantuan yang diagihkan secara konsisten dan berstruktur bukan sahaja membantu asnaf memenuhi keperluan asas, malah mampu meningkatkan pendapatan boleh guna serta memperluaskan peluang penyertaan mereka dalam aktiviti ekonomi produktif seperti keusahawanan, pertanian atau perkhidmatan. Sekiranya bantuan ini dimanfaatkan secara berkesan, ia dapat menjadi pemangkin kepada mobiliti sosial dan pembebasan daripada kemiskinan jangka panjang. Namun demikian, jurang dalam agihan bantuan seperti yang ditunjukkan oleh perbezaan purata antara kawasan perlu diberi perhatian agar ia tidak mencetuskan ketidakseimbangan sosioekonomi dalam kalangan asnaf. Bantuan yang tidak diagih secara adil boleh melemahkan potensi impak ekonomi sebenar dan menyebabkan sebahagian penerima terus bergantung kepada bantuan tanpa membina keupayaan sendiri. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan bahawa peningkatan bantuan sosial bukan sahaja bersifat kuantitatif, tetapi juga disertai dengan strategi pemeraksanaan ekonomi yang menyeluruh dan bersasar.

Bantuan sosial yang diterima oleh asnaf mempunyai potensi untuk memberi kesan yang signifikan terhadap pembangunan ekonomi mereka. Peningkatan agihan bantuan sosial memberi peluang kepada golongan asnaf untuk memperbaiki pendapatan mereka. Bantuan kewangan yang lebih besar boleh digunakan untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, perumahan, pendidikan, dan kesihatan. Di samping itu, bantuan keusahawanan atau latihan kemahiran memberi mereka peluang untuk meningkatkan kemahiran profesional dan memulakan perniagaan kecil, yang secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan jangka panjang mereka. Di Arau, bantuan yang meningkat sejak 2022 memberi peluang kepada asnaf untuk menguruskan keperluan harian mereka dengan lebih baik, serta memberi ruang untuk melabur dalam aktiviti ekonomi seperti perniagaan kecil atau latihan kemahiran. Kangar menunjukkan agihan tertinggi pada tahun 2024. Ini mungkin mencerminkan penambahan inisiatif untuk melibatkan lebih banyak asnaf dalam program keusahawanan, di mana mereka boleh mendapatkan bantuan bukan sahaja dalam bentuk kewangan tetapi juga sokongan teknikal atau perniagaan yang meningkatkan peluang mereka untuk berjaya dalam perniagaan. Padang Besar, walaupun terdapat penurunan bantuan pada tahun 2024 berbanding tahun 2023, peningkatan yang tinggi pada tahun 2023 mencerminkan bahawa kawasan ini memberi penekanan yang besar terhadap pemberdayaan ekonomi golongan asnaf, dengan memberi mereka peluang untuk memulakan perniagaan atau mendapat latihan kemahiran.

5. Kesimpulan

Berdasarkan analisis terhadap agihan bantuan sosial kepada golongan asnaf di Perlis, dapat disimpulkan bahawa terdapat peningkatan yang konsisten dalam jumlah bantuan yang diterima oleh asnaf dari tahun 2022 hingga 2024. Peningkatan ini menunjukkan usaha yang berterusan dalam membantu golongan asnaf, dengan Kangar mencatat jumlah bantuan tertinggi, diikuti oleh Arau dan Padang Besar. Walaupun terdapat penurunan jumlah penerima bantuan di Padang Besar pada tahun 2024, ia mungkin mencerminkan kejayaan dalam program pemberdayaan asnaf yang mengurangkan kebergantungan mereka terhadap bantuan sosial. Walau bagaimanapun, ketidakseimbangan dalam agihan bantuan antara kawasan menunjukkan perlunya penyelarasan yang lebih baik dalam dasar bantuan sosial agar bantuan dapat disalurkan dengan lebih tepat kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

Untuk meningkatkan keberkesanan bantuan sosial, beberapa cadangan penambahbaikan dan dasar boleh dipertimbangkan. Pertama, program bantuan sosial perlu diselaraskan dengan lebih telus antara kawasan-kawasan di Perlis bagi memastikan agihan yang lebih adil dan saksama, dengan mempertimbangkan keperluan sebenar golongan asnaf di setiap kawasan. Kedua, pendekatan bantuan berasaskan keperluan perlu diperkenalkan, di mana bantuan tidak hanya diberikan dalam bentuk kewangan, tetapi juga melibatkan latihan kemahiran dan peluang pekerjaan yang dapat membantu golongan asnaf keluar dari kitaran kemiskinan. Ketiga, keberkesanan bantuan sosial perlu dipantau dengan lebih baik melalui sistem pemantauan yang komprehensif untuk memastikan bantuan yang diberikan benar-benar memberi impak positif dan membantu asnaf mencapai tahap kemerdekaan ekonomi. Keempat, pembangunan ekonomi berterusan untuk golongan asnaf perlu diberikan perhatian lebih, dengan memberi sokongan dalam bentuk aktiviti ekonomi yang produktif seperti pertanian, perniagaan kecil, dan keusahawanan sosial. Terakhir, kerjasama antara agensi kerajaan, NGO, dan institusi kewangan perlu diperkukuhkan untuk mempercepatkan penyampaian bantuan dan memastikan keberkesanannya.

Secara keseluruhannya, walaupun terdapat trend positif dalam agihan bantuan sosial, penambahbaikan dalam dasar dan pelaksanaan program bantuan perlu dilaksanakan untuk

memastikan golongan asnaf tidak hanya bergantung kepada bantuan, tetapi dapat meningkatkan taraf hidup mereka melalui pembangunan ekonomi yang berterusan dan inklusif. Dengan pendekatan yang lebih holistik, golongan asnaf di Perlis dapat menikmati kehidupan yang lebih stabil dan mampan, serta memberi impak positif kepada pembangunan ekonomi negeri secara keseluruhan.

Penghargaan

Sekalung penghargaan dirakamkan kepada Faizuddin Center of Educational Excellence (FCoEE), MAIPs atas sokongan yang telah diberikan untuk kajian ini.

Rujukan

- Ab. Rahman, A., & Anwar, S. M. (2014). Dana zakat dalam pendidikan asnaf dan sumbangannya terhadap ekonomi Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9) “Urus Tadbir Ekonomi yang Adil: Ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi”*, pp. 208–215.
- Ab. Rahman, A., Mohd Subri, I., Mohd Dali, N. R. S., Abdul Mutalib @ Taib, M., Wan Razali, W. M. F. A., Ibrahim, R. I., & Ismail, N. (2018). Skim bantuan zakat asnaf mualaf: Satu analisis kontemporari di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 6(1), 167–191. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol6no1.80>
- Abd Rahman, R., & Ahmad, S. (2011). Strategi pembangunan keusahawanan asnaf fakir dan miskin melalui agihan bantuan modal zakat. *Jurnal Pengurusan*, 33, 37–44.
- Abu Bakar, N. A., Hashim, N., Othman, A., Md Tahir, R., & Mohd Azlan, M. N. N. (2022). Sekolah zakat: Peluang peningkatan kualiti hidup menerusi institusi pendidikan. *International Journal of Islamic Business*, 7(1), 60–75. <https://doi.org/10.32890/ijib2022.7.1.5>
- Abu Hassan, N. S., Ahmad Rusli, R. Z., Albasri, S. H., & Ahmad, R. (2018). Keberkesanan skim bantuan jayadiri terhadap asnaf di Lembaga Zakat Negeri Kedah. *International Journal of Muamalat*, 2(1), 17-22.
- Adnan, E., Ramli, R., Ibrahim, N., & Jamin, M. (2023). Cabaran guru dalam pelaksanaan pengajaran anak-anak asnaf. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8(50), 577–586. <https://doi.org/10.35631/ijepc.850041>
- Basarud-din, S. K., Omar, S. N. Z., Mohamad, M., & Zainal, H. (2019). Cabaran usahawan asnaf dalam pelaksanaan pensijilan halal Malaysia. *International Journal of Zakat and Islamic Philansophy*, 1(2), 23–30.
- Berita, RTM (2023). 150 asnaf di Perlis dibantu menerusi Program Pembangunan Insan Terpilih Madani. Diakses melalui pautan <https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/150-asnaf-di-perlis-dibantu-menerusi-program-pembangunan-insan-terpilih-madani>
- Hamzah, N., Masroom, Mohd. N., Ruskam, A., & Saim, A. I. (2021). Penggunaan wang bantuan zakat dalam kalangan asnaf fisabilillah dan asnaf gharim di Universiti Teknologi Malaysia. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 1(2), 187–209. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol1no2.37>
- Ibrahim, M. B., Awang, R., Embong, Z., Abdul Shukor, H., Musa, M. F., Salleh, A., Shafien, M. S., & Syahroni, M. M. (2015). *Kompilasi Hukum dan Fatwa Berkaitan Wakaf, Zakat, Haji & Sumber Am*. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. Diakses melalui pautan <https://e-penerbitan.jawhar.gov.my/LainlainPenerbitan/Kompilasi-Fatwa.pdf>
- Ishak, K., Dawi Cahyono, I. M., Wahid, H., & Ahmad, S. (2018). Cadangan bantuan zakat asnaf al-riqab terhadap banduan melalui latihan vokasional penjara: Kajian di Penjara

- Wanita Kajang, Selangor. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*, 7(1), 95-116.
<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol7no1.62>
- Johari, F., Ab. Aziz, M. R., & Mohd Ali, A. F. (2014). The role of zakat in reducing poverty and income inequality among new converts (muallaf) in Selangor, Malaysia. *Research in Islamic Studies*, 1(3), 43–56. <https://doi.org/10.15364/ris14-0103-04>
- Mat Saad, M. Z., Ibrahim, M., & Othman, Z. (2023). memperkasa inovasi pengurusan bantuan makanan dengan menggunakan Aplikasi Zakat on Touch (ZOT) dalam kalangan penolong amil Kedah: Isu dan cabaran. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 4(1), 155–174. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol4no1.146>
- Meerangani, K. A., Md Sharip, M. T., Rosele, M. I., Abdul Hamid, M. F., & Abdul Razak, A. Q. (2021). Digitalisasi sistem pengurusan zakat di Malaysia: Potensi dan cabaran. *Jurnal Inovasi Perniagaan*, 6(1), 36–48.
- Tajuddin, T. S., Azman, A. S., & Shamsuddin, N. (2016). Impak agihan zakat terhadap kualiti hidup asnaf di Selangor. *Proceeding of the 2nd International Conference on Economics & Banking*, pp. 226-237.
- Talib, A. R., & Ahmad, H. (2019). Keberkesanan Latihan TVET dan bantuan modal peralatan kepada golongan asnaf fakir dan miskin dalam peningkatan pendapatan di Negeri Pahang. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 1(1), 10–17.
- The Malaysian Reserve (2022). East Malaysian states, Kedah, Perlis still have higher poverty level. Diakses melalui pautan https://themalaysianreserve.com/2022/06/16/east-malaysian-states-kedah-perlis-still-have-higher-poverty-level/?utm_source